

'Ahli Umno didakwa tuntutan wang perlindungan'

Malaysiakini.com

October 19, 2011

By S Pathmawathy

Tiga ahli perniagaan mendakwa pekerja-pekerja mereka telah dikasari oleh sekumpulan lelaki, yang dipercayai ahli Pemuda Umno yang cuba menuntut wang perlindungan.

Bagaimanapun, seorang ahli Pemuda Umno yang secara tiba-tiba muncul pada sidang akhbar yang dianjurkan oleh ahli perniagaan berkenaan, semalam menafikan dakwaan itu dan berkata ia "tuduhan yang tidak berasas".

umno youth demanding for protection money pc 181011 cheng chin heng and lee kok leang Dua ahli perniagaan - Heng Chin Cheng, 36 (kiri), dan Lee Kok Leong, 43, yang membeli unit bawah bangunan sebuah hotel di Jalan Haji Hussein, di Chow Kit, berkata mereka pergi ke premis yang telah lama terbiar itu pada Khamis lalu untuk memulakan kerja-kerja pengubahsuaian.

Ketika merancang pembukaan kedai ketiga mereka - CCH Hardware di tapak itu yang dibeli mereka pada harga RM8.25 juta semasa lelongan Jun lalu, mereka didatangi oleh sekumpulan lelaki yang diketuai oleh ahli jawatankuasa Umno bahagian Titiwangsa, Zulkeflie Mat.

"Empat hingga lima orang yang datang dan mereka memperkenalkan diri mereka sebagai wakil-wakil daripada penjaja di sana. Salah seorang daripada mereka adalah Zulkeflie. Dia beri saya kad perniagaannya dan minta kami membenarkan sedikit masa untuk gerai-gerai kecil di koridor dikosongkan," kata Lee.

Bagaimanapun, tidak ada perkara lain yang dibincangkan semasa pertemuan itu, kata Lee kerana terdapat kehadiran anggota polis ketika itu.

"Kami sebenarnya telah menunggu sejak Jun untuk penjaja mengosongkan kedai kami," katanya.

umno youth demanding for protection money pc 181011 umno youth titiawangsa zulkeflie mat "Zulkeflie (kanan) dan rakan-rakannya meminta kami menunjukkan dokumen pemilikan kami ... tetapi kenapa harus kami berbuat demikian? Siapakah mereka untuk membuat tuntutan itu? Jadi saya minta beliau untuk semak dengan pemilik sebelumnya atau dengan pihak berkuasa," kata Lee .

"Kami tidak melayan mereka dan meneruskan kerja-kerja kami."

Diserang

Langkah seterusnya langsung tidak dijangka, kata Lee. Beberapa orang muncul pada di premis itu pada hari berikutnya (Jumaat lalu). Mereka bersenjata batang kayu dan menyerang seorang daripada pekerjanya dan memecahkan cermin lori pekerja berkenaan.

"Seorang daripada mereka mendakwa tempat ini adalah kawasan mereka ... dan menuntut agar bayaran dibuat. Tiada seorang pun daripada kami (pemilik) berada sekitar, jadi mereka menghalau pekerja dan juga memukul seorang daripada pekerja kami," kata Lee.

umno youth demanding for protection money pc 181011 assaulted md shahin matbor Pekerja yang dibelasah itu, Md Shahin Matbor (kiri), seorang warga Bangladesh, kemudiannya memaklumkan kepada Lee bahawa "samseng" itu memberi amaran kepada mereka supaya tidak kembali, selagi wang belum dibayar.

Md Shahin (kiri) membuat laporan di balai polis daerah Dang Wang berhubung pada hari yang sama dan

Lee mendakwa setakat ini tiada tindakan yang diambil.

Berikutan itu, kedua-dua, Lee dan Cheng membuat laporan berasingan - satu di Pandan Indah dan satu lagi di Dang Wangi - bahawa Zulkeflie dan seorang lagi lelaki yang hanya dikenali sebagai AD, telah enggan mengosongkan premis milik mereka dan "menegaskan bahawa kawasan itu di bawah jagaan Umno".

umno youth demanding for protection money pc 181011 stalls outside city villaBimbang dengan keselamatan mereka, Lee dan Cheng mengadakan sidang akhbar di City Hotel Villa yang terletak bersebelahan, semalam dan juga meminta pihak polis memberi perlindungan kepada mereka.

Mereka juga membawa media melawat premis yang kosong itu.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/179045>